

Kadar baru elektrik mungkin dikaji semula

BM 11 AUG 1985

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kerajaan mungkin menimbang semula pengurangan kadar bayaran telefon dan elektrik sekiranya sektor swasta, terutama pengusaha hotel yang menikmati faedahnya, tidak menurunkan bayaran perkhidmatan mereka, kata Perdana Menteri, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~.

Perdana Menteri berkata, kerajaan cuba melayan setiap tuntutan mereka dan mengambil pelbagai langkah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi di kalangan agensi kerajaan dan swasta.

"Baru-baru ini kita menurunkan kadar bayaran telefon dan tidak berapa lama selepas itu, kadar bayaran baru elektrik pula diperkenalkan.

"Tetapi malangnya, apabila kita berbuat sesuatu untuk memenuhi tuntutan itu, tiada siapa yang berte-rima kasih atau menghargainya, malah ada yang mendakwa langkah kerajaan itu tidak menguntungkan mereka," ujar Perdana Menteri sewaktu me-

rasmikan Pangsapuri Ultimate, di sini hari ini.

"Sekiranya kadar sewa hotel tidak dapat diturunkan berikutan pengurangan kadar elektrik, maka lebih baik kerajaan mengenakan semula kadar lama kerana ia memberi hasil yang lebih kepada kerajaan," tegasnya.

Kerajaan, ujar Perdana Menteri, juga mahu dihargai dalam setiap usaha yang dilakukannya untuk kepentingan rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan sektor swasta supaya jangan merasa bertuah dengan memikirkan bahawa apa yang menimpa negara lain tidak akan berlaku di negara ini.

Katanya, jika usaha-usaha pembangunan yang dijalankan di negara ini tidak berjaya, kita juga akan mengalami kemerosotan ekonomi.